



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 29 DISEMBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Op Tiris selamatkan diesel subsidi hampir RM3 juta

Oleh NORAINNA HAMZAH

SEREMBAN — Sebanyak 76 kes penyelewengan minyak diesel bersubsidi berjaya ditumpaskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) di Negeri Sembilan menerusi pengawasuan dan serbuan Op Tiris dari Mac hingga Disember tahun ini.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, sejumlah 1,092,133 liter minyak diesel yang dianggarkan bernilai RM2,948,760 berjaya diselamatkan daripada diselewengkan oleh pihak tidak bertangungjawab.

Menurutnya, daripada jumlah kes tersebut, sebanyak 28 kes merupakan kes serahan agensi atau jabatan iaitu 14 kes oleh



SEBAHAGIAN rampasan diesel subsidi dalam Op Tiris yang dilakukan di Negeri Sembilan pada September lalu.

Polis Diraja Malaysia (PDRM); Pasukan Polis Marin (tujuh kes); Pasukan Gerakan Am (empat kes) dan masing-masing satu kes bagi Maritime Malaysia (APMM); Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan KPDN Ibu Pejabat.

"Dalam operasi itu juga, keseluruhan seramai 97 individu telah berjaya ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya sempena Majlis Apresiasi dan Libat Urus KPDN

negeri di sini semalam.

Dalam perkembangan berbeza berkaitan Jualan Rahmah di negeri ini, Muhammad Zahir berkata, seramai 600,000 penduduk di Negeri Sembilan menerima manfaat daripada 300

jualan tersebut sejak dilaksanakan bermula April lalu hingga hujung bulan ini.

Menurutnya, program Jualan Rahmah berkenaan telah dilaksanakan antaranya merangkumi 177 program di dalam premis, 100 program jualan bergerak dan lima program secara terbuka.

"Dalam pada itu, nilai Jualan Rahmah di negeri ini pula merekodkan anggaran RM10 juta sepanjang program tersebut berlangsung," katanya.

Tambahnya, program tersebut dilaksanakan melalui kolaborasi dengan pemain industri sektor peruncitan bagi merancakkan ekonomi sektor peruncitan setempat selain membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat di negeri ini.

# Bekalan diesel di Sarawak pulih

Stesen minyak mula dapat bahan api daripada pengedaran

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Pengguna kenderaan yang menggunakan bahan api diesel lega apabila kebanyakan stesen minyak mempunyai bekalan, semalam.

Tinjauan mendapati semua stesen PETRONAS di sekitar bandar raya ini mempunyai bekalan bahan api itu.

Malah, keadaan di kawasan luar bandar juga sama apabila bekalan bahan api itu sudah diperoleh.

Pengguna di Dalat dalam Bahagian Mukah, Geofrey Wan, berkata beliau mengetahui adanya bekalan api itu di satu-satunya stesen minyak PETRONAS di

pekan kecil itu menerusi aplikasi WhatsApp, petang kelmarin.

"Sebaik melihat maklumat yang tersebar di WhatsApp, saya terus pergi ke stesen berkenaan dan memang ada bekalan diesel.

"Lega sebab saya perlu mengisikan minyak secukupnya untuk balik ke Miri," katanya ketika dihubungi.

#### Bekalan dari pengedar lain

Bagaimanapun, difahamkan bekalan diesel itu diperoleh daripada pengedar lain, bukannya PETRONAS.

Tinjauan di sebuah stesen minyak PETRONAS di Kuching kebetulan mendapati sebuah lori tangki tanpa logo sebarang syarikat petroleum sedang mengisi bekalan bahan api itu.

Pekerja yang ditemui berkata, mereka terpaksa mengambil bekalan daripada pihak lain kerana PETRONAS hanya akan mengedarkan bekalan pada 31 Disember ini.

"Ketika ini kami 'order' dari luar kerana difahamkan PETRONAS hanya akan menghantar bekalan empat hari lagi," katanya.



Sebuah lori tangki mengisi bekalan diesel di sebuah stesen minyak PETRONAS di Kuching.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan segelintir individu berkahwin empat semata-mata mahu menggunakan nama isteri sebagai proksi bagi membolot tender kerajaan dianggap satu penipuan besar.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) Jais Abdul Karim berkata, ia juga dikhawatir akan membawa ancaman sama besar seperti gejala rasuah yang boleh mempengaruhi pembangunan negara.

Menurutnya, pendedahan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenai 500 syarikat yang kini dalam pemerhatian kerana disyaki membentuk kartel tender dengan menggunakan isteri pemilik syarikat sebagai proksi harus dipandang serius.

"Strategi melibatkan pe-

## 500 SYARIKAT DALAM PERHATIAN

# 4 isteri proksi tender projek

milik syarikat berkahwin dengan beberapa isteri dan menggunakan nama mereka sebagai proksi memberikan impak negatif terhadap persaingan yang adil.

"Tindakan MyCC memantau aktiviti kartel ini mesti disokong rakyat dan pasukan forensik pelbagai agensi yang pernah ditubuhkan perlu diaktifkan semula bagi mengekang segera masalah ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jais berkata, siasatan

menyeluruh diperlukan bagi menangani isu kartel tender dan rasuah terbabit berikutnya ia membabitkan beberapa aspek kompleks yang memerlukan pemahaman mendalam dari pelbagai sudut.

Katanya, penubuhan pasukan pakar forensik mampu memberi im-pak lebih berkesan dan diharap tindakan perundungan yang jelas dapat dikenakan terhadap individu terbabit.

"Pasukan forensik itu juga perlu bekerjasama de-

ngan agensi penguat kuasa undang-undang untuk meningkatkan keberkesanan pencegahan supaya tindakan yang tegas dapat dilakukan segera.

"Perlindungan kepada pemberi maklumat atau *whistleblower* perlu diperkenaskan kerana jaminan keselamatan akan merangsang lebih ramai individu untuk melaporkan aktiviti mencurigakan," katanya.

Katanya, kes kartel dalam tender kerajaan yang sering kali dilaporkan adalah perkara amat menggecewakan terutama dalam keadaan tekanan ekonomi semasa ketika ini semakin menghimpit rakyat.

**Siasatan menyeluruh diperlukan bagi menangani isu kartel tender**

Jais

# Terus bongkar taktik syarikat kartel

Teliti percaturan syarikat bida tender kerajaan

**SHAH ALAM**

**S**uruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) digesa terus menyiasat percaturan syarikat-syarikat yang membida tender kerajaan bagi membongkar lebih banyak taktik sekali gus mengelakkan mereka membentuk kartel bagi memonopoli projek kerajaan.

Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Muhamad Hisham Marzuki berkata, kebanyak kartel akan membuat perjanjian sesama mereka dengan mengatur strategi menawarkan harga tender yang berbeza antara satu sama lain.

"Contoh situasi, ada tiga syarikat iaitu A, B dan C memohon projek kerajaan. Syarikat A tawar pada harga RM2 juta, syarikat B RM1.8 juta, sementara syarikat C meletakkan amauan sekitar RM1.5 juta.

"Jadi sudah tentu syarikat yang menawarkan harga rendah mempunyai kebarangkalian tinggi untuk menang projek tersebut."

"Apabila strategi berkenaan berhasil, mereka akan mengagihkan amauan diterima mengikut perjanjian yang telah dibuat lebih awal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan lebih 500 syarikat kini berada dalam radar MyCC kerana dipercayai membentuk kartel untuk membida tender projek kerajaan.

Mereka menggunakan pelbagai modus



Penalti RM415.5 juta ke atas lima syarikat pengisar makanan ayam baru-baru adalah kejayaan terbesar MyCC.



**MUHAMAD HISHAM**

operandi termasuk ada pemilik syarikat sanggup berkahwin empat untuk membina empayar sendiri yang membolehkan mereka menggunakan nama isteri dan saudara-mara sebagai proksi.

Pada 22 Disember lalu, MyCC mengenakan penalti berjumlah RM415.5 juta kepada lima syarikat pengisar makanan ayam kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam, kartel terbesar dikesan sejak MyCC ditubuhkan pada 2011.

Lima syarikat itu ialah Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd (Leong Hup); FFM Berhad (FFM); Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin); Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (Dindings) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Arminza Mohd Ali berkata, isu kartel lima syarikat itu menjadikan ekonomi negara kerana melibat-

kan unsur pakatan untuk menaikkan harga makanan ayam sekali gus menaikkan harga bekalan ayam di pasaran.

Dalam pada itu Muhamad Hisham berkata, penarihan diri daripada tender pada saat-saat akhir adalah salah satu taktik yang selalu proksi lakukan sewaktu membida projek.

"Ini merupakan salah satu tingkah laku yang sering syarikat-syarikat kartel lakukan semata-mata mahu membolot projek demi kepentingan sesama mereka.

"Pemilik syarikat akan berkompromi antara satu sama lain untuk membiarkan salah satu daripada mereka memenangi tender dengan cara rakan-rakannya menarik diri pada saat akhir," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, segala jenis bentuk perjanjian yang dilakukan antara badan perniagaan merupakan pelanggaran undang-undang mengikut Akta Persaingan 2010.

"Selain itu, kartel-kartel ini turut berkomplot untuk menetapkan pengeluaran sesuatu barang yang mana ini jelas boleh disiasat kerana berlaku pelanggaran undang-undang."

"Apabila mereka mengawal atau mengehadkan pengeluaran sesuatu produk di pasaran, ia menyebabkan permintaan kepada barang itu tinggi dalam kalangan pengguna. Keadaan itu akan mendorong kenaikan harga yang membebankan pengguna," katanya.

Isu kartel barang keperluan rakyat dan projek kerajaan sering menarik perhatian rakyat Malaysia.

Ini termasuk pembongkaran sindiket kartel memonopoli 345 tender daripada beberapa kementerian bernilai RM3.8 billion yang dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2021.

Ketua sindiket berkenaan dipercayai mengawal lebih 150 syarikat sejak 2014.

**PROCUREMENT OF GOVT PROJECTS**

## NGO concerned about cartel claims

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Corruption Watch (MCW) voiced its concern over claims that 500 companies are under probe by the Malaysian Competition Commission (MyCC) for allegedly forming cartels to manipulate the bidding process for government projects.

Its president, Jais Abdul Karim, said the strategy involving company owners marrying multiple wives and using the latters' names as proxies has had a bad impact on fair competition.

"This deceptive method is as significant a threat as corruption.

MyCC's actions in monitoring these cartels' activities must be supported by the public" he said yesterday.

Jais said forensic teams at various agencies that were once established must be reactivated to curb this problem.

"The MCW emphasises the importance of quality investigations in addressing cartel and corruption issues. More effective strategies are needed to tackle them due to the complex aspects of investigation. The forensic teams would have the required in-depth understanding to detect

the wrongdoings," he said.

He said the teams also need collaborate with law enforcement agencies to enhance preventive efforts.

He said protection whistleblowers must be strengthened to encourage more people to report any suspicious activity.

He said this effort is a collective responsibility.

"Public involvement and continuous awareness programmes about the importance of integrity can build positive pressure to achieve the desired transparency and accountability."



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 29 DISEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-Dec	Bekalan kit ujian COVID-19 mencukupi di N. Sembilan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-kit-ujian-covid-19-mencukupi-di-n-sembilan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-kit-ujian-covid-19-mencukupi-di-n-sembilan</a>	BERITARTM
29-Dec	Program Jualan Rahmah di N. Sembilan rekod RM10 juta	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-jualan-rahmah-di-n-sembilan-rekod-rm10-juta">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-jualan-rahmah-di-n-sembilan-rekod-rm10-juta</a>	BERITARTM